

21/06/2003

Cabar pemimpin, ahli Pas Kelantan: Dr M

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam tadi meminta ahli Umno

Kelantan supaya berani mencabar pemimpin dan ahli Pas bagi menunjukkan kesalahan yang dilakukan parti pembangkang itu selama ini.

Presiden Umno berkata, banyak kesalahan Pas tidak ditunjukkan kepada rakyat kerana tiada ahli Umno yang berani mencabar mereka kerana imej agama yang mereka tonjolkan.

"Orang Umno ini takut, tak berani nak cabar orang Pas kerana mereka pakai serban," katanya berucap pada majlis makan malam bersama Presiden Umno anjuran Ketua Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed di kediamannya di sini, malam tadi.

Turut sama pada majlis yang dihadiri lebih 2,000 perwakilan dan ahli Umno Kelantan ialah isteri beliau, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Dr Mahathir berkata, ahli Umno boleh mencabar Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, supaya mengulangi kenyataannya bahawa Tuhan itu samseng di hadapan ulama di luar negara bagi menentukan sama ada Menteri Besar Kelantan itu bercakap benar.

Beliau berkata, dengan cara itu penyokong Pas yang selama ini tidak mahu mendengar apa yang dikatakan pemimpin Umno akan mengetahui kebenaran.

"Saya yakin mereka tidak berani untuk berbuat demikian di luar negara kerana orang akan mengatakan mereka salah," katanya.

Menyentuh masalah politik Kelantan, Dr Mahathir merayu ahli Umno negeri

itu supaya setia kepada parti dan menyokong calon yang dipilih pucuk pimpinan parti bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang.

"Umno tidak dapat menawan semula Kelantan kerana ada pemimpin dan ahli yang tidak berpuas hati kerana tidak terpilih menjadi calon, bertindak memberikan undi kepada calon pembangkang.

"Saya yakin jika setiap ahli kita memberi undi kepada calon parti, kita

akan menang," katanya sambil menambah Umno Kelantan sendiri sudah arif mengapa mereka kalah (dalam dua pilihan raya umum lalu).

Dr Mahathir turut mengakui beliau melepaskan jawatan sebagai Ketua Perhubungan Umno negeri itu tahun lalu kerana gagal mengubah Umno Kelantan.